



**DALAM MAHKAMAH TINGGI MALAYA DI ALOR SETAR  
DALAM NEGERI KEDAH DARUL AMAN  
[NO GUAMAN: 22NCVC-1457-12/2011]**

**ANTARA**

- 1. PATRICIA KAREN CHEW MEI YIK  
(NO: K/P: 701222-10-5492)**
  - 2. MICHAEL JANUARIUS  
(NO: K/P: 560919-10-5859)**
- ... PLAINTIF-  
PLAINTIF**

**DAN**

**AIRASIA BERHAD  
(NO. SYARIKAT: 284669-W)**

**... DEFENDAN**

**ALASAN PENGHAKIMAN**

**ZAKIAH KASSIM, PK**

- [1]** Plaintiff-Plaintif tidak berpuashati terhadap keputusan Penolong Kanan Pendaftar (PKP) pada 31.07.2015 yang membenarkan notis penetapan kos. PKP telah mentaksirkan kos sebanyak RM13,000.00.
- [2]** Saya telah mengekalkan jumlah kos tersebut atas alasan bahawa asas tuntutan Perayu dalam kes ini tidak melibatkan isu yang

kompleks, tidak memerlukan kemahiran khusus dan pengetahuan pakar bagi isu tuntutan Plaintiff-Plaintif. Secara terperinci, saya telah membuat keputusan atas sebab-sebab berikut:

**Fakta Kes**

- [3] Pada 20.02.2011, Plaintiff-Plaintif bersama anak perempuan mereka yang berusia 4 tahun telah ke Denpasar, Bali untuk melancong dengan menaiki pesawat AirAsia AK364 dari LCCT, Kuala Lumpur, Malaysia dan dijadualkan kembali ke Kuala Lumpur melalui pesawat AirAsia QZ8391 pada 26.02.2011 jam 6.05 am.
- [4] Pada 26.02.2011 semasa Plaintiff-Plaintif dan anak mereka menaiki pesawat QZ8391 dan hendak menduduki kerusi No. 30A, 30B dan 30C, seorang pramugari bernama Susan Octavia (SD1) telah bertanya kepada Plaintiff Pertama tentang tahap kehamilan Plaintiff Pertama dan apabila dimaklumkan bahawa kehamilan adalah 28 minggu, Susan Octavia (SD1) telah meminta surat pengesahan daripada doktor yang membolehkan Plaintiff Pertama membuat penerbangan tersebut seperti mana tercatat di dalam Artikel 7.4 Terma dan Syarat Pengangkutan Defendan.
- [5] Menurut Plaintiff lagi, SD1 telah meminta Plaintiff-Plaintif dan anak mereka ke hadapan pesawat untuk berbincang tetapi menurut Plaintiff-Plaintif setelah mereka tiba di hadapan pintu, pegawai

keselamatan telah mengarahkan mereka supaya turun daripada pesawat dan kemudiannya pintu pesawat ditutup untuk pelepasan.

[6] Plaintiff Pertama telah dibawa untuk pemeriksaan doktor di dalam kawasan lapangan terbang tersebut dan telah diberikan pengesahan untuk membolehkan beliau berlepas balik ke Kuala Lumpur. Plaintiff-Plaintiff dan anak mereka kemudiannya berlepas balik dengan pesawat seterusnya iaitu pesawat AirAsia QZ8395 yang bertolak pada 8.00 pagi hari yang sama.

[7] Plaintiff menegaskan bahawa keengganan Defendan untuk membenarkan Plaintiff-plaintiff menaiki pesawat QZ8391, menyebabkan mereka tertinggal satu '*Hand Luggage*' yang mengandungi barangan seperti di bawah ini dan menuntut daripada Defendan sejumlah RM18,999.00 iaitu seperti berikut:

- (i) Kamera - RM 2,000.00;
- (ii) Kehilangan music event korporat - RM 12,000.00;
- (iii) Laptop - RM 4,999.00.

[8] Plaintiff juga menuntut ganti rugi am dan teladan sebanyak RM500,000.00 atas kehilangan reputasi dan maruah diri serta keluarga dan juga ganti rugi am atas pelbagai kesusahan, kerumitan dan bagi Plaintiff Kedua pula atas kehilangan nama baik dalam bidang muzik.

- [9] Plaintiff-Plaintiff telah merayu ke Mahkamah Rayuan dan rayuannya dibenarkan dengan kos. Plaintiff-Plaintiff menuntut kos sebanyak RM116,926.80.

### **Kedudukan Undang-Undang**

- [10] Untuk mentaksir kos, Aturan 59 Kaedah 16 Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012 (KKM 2012) telah menentukan bahawa faktor-faktor berikut hendaklah diambilkira:

- (a) kerumitan butiran atau kausa atau perkara yang ia berbangkit dan kesukaran atau kebaruan persoalan yang terlibat;
- (b) kemahiran, pengetahuan khusus dan tanggungjawab yang dikehendaki daripada, dan masa dan tenaga pekerja yang digunakan oleh, peguamcara peguam;
- (c) bilangan dan kepentingan dokumen, walaupun ringkasnya disediakan atau diperincikan;
- (d) tempat dan hal keadaan yang perniagaan terlibat dilakukan;
- (e) kepentingan kausa atau perkara itu kepada klien;
- (f) jika wang atau harta adalah terlibat, amaun atau nilainya;

(g) apa-apa fi dan elaun lain yang kena dibayar kepada peguamcara atau peguam berkenaan dengan butiran lain dalam kausa atau perkara yang sama, tetapi hanya jika kerja dilakukan berhubung dengan butiran itu telah mengurangkan kerja yang jika tidak selainnya adalah perlu berhubung dengan butiran dalam persoalan.

[11] Berapa jumlah kos yang patut diberi adalah menurut budibicara Mahkamah. Mahkamah juga mengambil kira garis panduan yang diputus oleh Mahkamah Persekutuan dalam kes *Bar Council v. Datuk v. Kanagalingam* [2000] 3 CLJ 697; [2000] AMR 3383 yang menyatakan:

*“In exercising that discretion, regard be had to the factors stated in Order 59 Appendix I Part X paragraph 1(2) of the Rules of High Court 1980 (sama dengan Aturan 58 Kaedah 16 Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 2012).”*

[12] Berkenaan dengan jumlah penghakiman yang dipegang oleh peguambela Plaintiff-Plaintif sebanyak RM59,492.33, Mahkamah tidak mengambilkira isu tersebut memandangkan permohonan yang dibuat adalah berkenaan dengan penetapan kos bagi tugas yang dikendalikan kes berkenaan dengan tuntutan Plaintiff-Plaintif di dalam tindakan ini. Berkaitan dengan bil kos guaman berjumlah RM7,500.00 di Mahkamah Rayuan, Mahkamah ini tidak mengambilkira jumlah tersebut kerana Mahkamah hanya

mengambilkira hanya bagi kausa tindakan di Mahkamah Tinggi sahaja.

- [13] Isu dalam kes ini tidak melibatkan perkara yang kompleks, sukar atau rumit dari segi fakta dan undang-undang. Isu utama dalam kes ini melibatkan pelanggaran kontrak dan kecuaiian oleh Defendan. Walaupun kejadian ini berlaku di Lapangan Terbang Antarabangsa Bali, Indonesia, kedua-dua pihak adalah rakyat Malaysia dan undang-undang yang terpakai adalah undang-undang Malaysia.
- [14] Oleh yang demikian, bagi tuntutan gantirugi ini, peguam terpelajar tidak perlu untuk membuat semakan undang-undang antarabangsa mengenai bidangkuasa, peraturan-peraturan keselamatan Lapangan Terbang Antarabangsa Bali, Indonesia.
- [15] Saya meneliti pliding dan mendapati kertas kausa dan dokumen yang difailkan di Mahkamah dan mendapati bahawa tuntutan ini tidak melibatkan isu yang rumit. Plaintiff-Plaintiff menuntut gantirugi khas dan am terhadap Defendan kerana hilang reputasi bagi dirinya dan keluarganya terutamanya Plaintiff Kedua yang terlibat dalam bidang muzik.
- [16] Melihat kepada item dalam notis penetapan kos oleh PKP di bawah Aturan 59 Kaedah 17, saya mendapati PKP telah mengambilkira dengan teliti tuntutan itu dengan membuat pecahan seperti berikut:

- (a) Permohonan interlokutori Defendan iaitu:
  - (i) Permohonan Defendan untuk meminda pembelaan :  
RM2,000.00;
  - (ii) Permohonan Defendan untuk membatalkan Writ dan  
Pernyataan Tuntutan: RM3,000.00.
- (b) Dokumentasi, bilangan 3 hari perbicaraan, kerumitan kes,  
bilangan saksi yang dipanggil iaitu 8 orang (3 saksi Plaintiff dan  
5 saksi Defendan) sebanyak RM8,000.00.

[17] Jumlah kos yang diputuskan oleh PKP adalah berpatutan, wajar dan sesuai dan menepati dengan hal keadaan tuntutan dalam kes ini yang diperuntukkan di bawah Aturan 59 Kaedah 16 Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012. Dengan itu, keputusan PKP dikekalkan dan rayuan Plaintiff-Plaintif ditolak.

[18] Plaintiff-Plaintif sekarang bertindak sendiri tanpa peguam dan menurut hujahan yang difailkan sendiri, Plaintiff-Plaintif tidak berpuashati terhadap perkhidmatan peguamnya dan dengan itu memohon supaya notis penetapan kos ini ditolak.



**[19]** Pada pandangan saya, hujahan Plaintiff-Plaintif yang difailkan sendiri itu adalah salah faham antara Plaintiff-Plaintif dengan peguamnya yang sepatutnya diambil tindakan oleh Plaintiff-Plaintif terhadap pihak yang berkenaan.

**(ZAKIAH KASSIM)**  
YA Pesuruhjaya Kehakiman  
Mahkamah Tinggi Shah Alam

**Dated:** 15 APRIL 2016

**Kaunsel:**

*Bagi pihak plaintiff-plaintif - Devanan; T/n M. Manoharan & Co*  
Suite C-5-5, 5<sup>th</sup> Floor  
Tower C, Wisma Goshen  
Wisma Pantai  
Off Jalan Pantai Baru  
59200 Kuala Lumpur  
Tel : 03-2283 2388  
Fax : 03-2283 1322  
[Ruj: MM/R0335[CV1585]/jan/Diana]

*Bagi pihak defendan - Lily Chua; T/n Zaini Mazlan*  
Suite 1.08 & 1.09  
Wisma DiCor  
Jalan SS 17/1A  
47500 Subang Jaya  
Selangor Darul Ehsan  
Tel : 03-5638 5572  
Fax : 03-5638 0575  
[Ruj: MZM.alpha.1.460.2011]

**Kes-kes yang dirujuk:-**

*Bar Council v. Datuk v. Kanagalingam [2000] 3 CLJ 697; [2000] AMR 3383*

**Perundangan yang dirujuk:-**

Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012 (KKM 2012), A. 59 K. 16, 17